

Sawah digenangi air laut

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS
norlida.idros@kosmo.com.my

ALOR SETAR – Kawasan sawah padi seluas 62 hektar yang terletak di sepanjang persisiran pantai di negeri ini dan Perlis dikuatiri terjejas akibat digenangi air laut ekoran kejadian ombak besar sejak kelmarin.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Johari Baharum berkata, fenomena air pasang besar itu menyebabkan tiga kawasan sawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Perlis dan Kedah dilimpahi air masin.

Katanya, kawasan sawah yang terjejas ialah di Kampung Alor Akoi, Sungai Padang di Perlis serta Kampung Padang Garam dan Kampung Kuala Kuar di Sungai Dua di Kedah.

“Kira-kira tujuh hektar sawah terjejas di Kampung Alor Akoi, 35



MOHD. JOHARI (tiga dari kanan) melawat sawah padi yang dimasuki air laut berikutan fenomena air pasang besar di Kampung Kuala Kuar, Alor Setar semalam.

hektar di Kampung Padang Garam dan 20 hektar di Kampung Kuala Kuar,” katanya selepas melawat sawah digenangi air laut di Kampung Kuala Kuar di sini semalam.

Kata Mohd. Johari, bagi menyelamatkan padi, MADA akan bertindak segera mengalirkan air sungai ke dalam sawah untuk menolak keluar air masin dari ka-

wasan itu.

“Bagaimanapun, bagi kawasan sawah yang ditenggelami sepenuhnya dan menyebabkan padi rosak, kita akan pertimbangkan bantuan termasuk pemberian benih baharu,” ujarnya.

Tambah beliau, pihaknya juga mengarahkan Jabatan Pengairan dan Saliran supaya meninggikan lagi ban di persisiran pantai yang tenggelam bagi memastikan air laut tidak melimpah ke bahagian jalan dan seterusnya ke kawasan sawah.

Sementara itu, pesawah, Mansor Mat, 62, memberitahu, dia bernasib baik kerana padinya yang berusia sebulan tidak tenggelam sepenuhnya dengan air laut.

“Saya harap pihak MADA dapat mengeluarkan air masin ini dengan segera, kalau tidak, hasil padi pada musim ini mungkin terjejas,” katanya yang mengusahakan sawah seluas dua hektar di Kampung Kuala Kuar di sini.